

METRO AHAD

MENTALITI KELAS KETIGA

■ Masih ramai tiada kesedaran sivik rosakkan harta awam, buang sampah merata-rata

SUARA MAYA

Mohd Azam Shah Yaacob
mohdazam@hmetro.com.my

Menuju negara membangun tetapi mentaliti masih di kelas ketiga. Itu situasi yang berlaku di negara ini apabila ada kalangan masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap vandalisme terhadap harta benda awam.

Malah, bukti mentaliti kelas ketiga ini dapat dilihat membabitkan kes terbaru apabila kemudahan di stesen Transit Aliran Massa (MRT) dirosakkan individu tidak

bertanggungjawab.

Itu belum lagi kes cermin atau tingkap pengangkutan awam kereta api dan bas yang pecah dibaling objek keras, contengan di papan kenyataan atau dinding bangunan selain kerosakan di tandas awam.

Selain itu, sikap vandalisme paling banyak dilakukan oleh masyarakat tanpa sedar pastinya membabitkan kes membuang sampah merata-rata termasuk dari tingkap kenderaan.

Biarpun sudah banyak ditekankan mengenai kepentingan menjaga harta benda awam, namun perbuatan vandalisme masih sukar dibendung.

Menerusi tinjauan Suara Maya mengenai mentaliti kelas ketiga di laman web myMetro bertajuk 'Apakah langkah terbaik mengatasi gejala vandalisme dalam kalangan masyarakat pada masa kini? Sebanyak 75 peratus responden bersetuju hukuman berat dikenakan terhadap individu yang melakukan perbuatan itu.


Ini kerana hanya hukuman berat mampu mengubah mentaliti masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

Sementara itu, 25 peratus lagi responden bersetuju kesedaran sivik diterapkan dalam pendidikan dan dijadikan satu mata pelajaran khas.

SOALAN:

Apakah langkah terbaik mengatasi gejala vandalisme dalam kalangan masyarakat pada masa kini?

Penerapan dalam sistem pendidikan
25%



Hukuman lebih berat
75%

Hukuman lebih berat. Kerana semua langkah sudah dibuat tetapi isu ini makin berleluasa. Dengan mengenakan hukuman, pesalah lebih memahami apa kesalahan yang dibuat. - **Aminatul Aini Mohamad Foad**

Penerapan dalam sistem

pendidikan. Sistem pendidikan sekarang terlalu mementingkan akademik terutama peringkat awal persekolahan. Seharusnya murid tahun satu dan dua ditekankan dengan subjek kemahiran hidup, sivik, adab dan budaya, nilai patriotisme. Seperti mana di Jepun, kanak-

kanak usia awal mampu menjaga kebersihan kelas mereka sendiri, menghormati orang tua dan bijak. - **Mohd Fikri**

Penerapan dalam sistem pendidikan. Teguran, didikan dan asuhan merupakan aset penting dalam mencorakkan

peribadi serta nilai seseorang individu. Tanpa didikan yg baik gejala tidak sihat akan terus berkekalan diingatan dan minda. - **Shariffa Maznah**

Hukuman lebih berat. Sebab manusia ni degil kalau kempen ke apa ke tak ada

kesedaran. - **Muhammad Zulhimi**

Hukuman lebih berat. hukuman yang sedia ada ini tidak memberi kesedaran berpanjangan disamping mereka akan terus melakukan perkara sama berulang kali. - **Zac**

“ Sebenarnya kesedaran sivik ini patut ditekankan dalam sistem pendidikan tak kira di sekolah rendah, menengah mahupun universiti. Ini kerana, tanpa penekanan akan lahir individu yang hanya menjaga harta benda sendiri tapi tidak harta benda awam. Sudah sepatutnya hukuman lebih berat dikenakan kepada pelaku musnah harta benda awam ini kerana hanya dengan cara ini kita mampu menyekatnya.

Kakitangan kerajaan, Mohd Zaidi Zainon, 31.

FOTO SHAWAL AZANI



“ Sebenarnya masalah vandalisme boleh diatasi menerusi didikan dari rumah seterusnya di kawasan kejiranan. Ibu bapa perlu sentiasa mengingatkan anak-anak agar tidak melakukan perbuatan laku musnah manakala masyarakat sekeliling perlu peka terhadap sebarang perbuatan itu. Jika nampak dilakukan, mereka perlu menegur, menghentikan atau membuat laporan kepada pihak berkuasa. Baru individu ini takut untuk membuat laku musnah.

Pesara, Hamzah Bachik, 51.

“ Bagi saya undang-undang sekarang terlalu ringan bagi pesalah ini kerana kebanyakannya hanya dikenakan denda terlalu rendah. Sepatutnya, denda mestilah tinggi selain kenakan juga denda kerja sosial untuk satu tempoh yang panjang kepada pesalah vandalisme. Hanya dengan cara ini baru mereka akan sedar dan serik untuk melakukan vandalisme.

Pekerja swasta, Mohd Khairil Akmal Usop, 30.



Komen pelayar laman web myMetro